

Bil. S 14 – PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Bab 83)

**PERINTAH DARURAT (SAMAN-SAMAN DAN WARAN-WARAN
(SYARAT-SYARAT KHAS)), 1984**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran
pendek dan
mula
berkuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Saman-Saman dan Waran-Waran (Syarat-Syarat Khas)), 1984 dan akan mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan.

Tafsiran.

2. Di dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Mahkamah” mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya di dalam Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) yang bersesuaian ;

“Majistret” —

- (a) berhubung dengan Malaysia termasuklah seseorang Yang Di-Pertua Mahkamah Sesyen ;
- (b) berhubung dengan Singapura termasuklah seseorang Hakim Daerah ;

“Undang-Undang Hukuman Jenayah (Penal Code)” bermakna Undang-Undang Hukuman Jenayah (Penal Code) yang bersesuaian ;

“saman” termasuklah sebarang sapina (subpoena) atau surat perintah lain bagi mengkehendaki kehadiran seseorang saksi dalam sesuatu perbicaraan jenayah, siasatan jenayah atau perbicaraan jenayah yang lain di bawah Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) yang bersesuaian tetapi tidak termasuk sesuatu saman kepada seseorang juri atau seseorang pentaksir.

Penyampaian
saman kepada
seseorang
yang dituduh
di antara
Brunei,
Malaysia dan
Singapura.

3. (1) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia atau Singapura sesebuah Mahkamah atau seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura telah mengeluarkan sesuatu saman yang mengkehendaki seseorang yang dituduh melakukan sesuatu kesalahan supaya hadir di hadapan mana-mana Mahkamah di Malaysia atau Singapura, dan orang sedemikian adalah, atau disyaki berada di Brunei atau dalam perjalanannya ke Brunei, maka seseorang Majistret di Brunei boleh, jika berpuashati bahawa saman itu telah dikeluarkan oleh sesebuah Mahkamah atau seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura, mengesahkan saman itu dengan

nama dan gelaran jawatannya dan memeteraikannya dengan meterai Mahkamahnya, dan saman tersebut boleh ketika itu disampaikan kepada orang sedemikian seolah-olah ianya suatu saman yang telah dikeluarkan oleh seseorang Majistret di Brunei di bawah syarat-syarat Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code), dan orang sedemikian adalah, bilamana disampaikan saman yang telah disahkan demikian, terikat di sisi undang-undang untuk mematuhi saman itu, dan jika ia dengan sengaja tidak mematuhi saman sedemikian maka ia adalah bersalah dan jika didapati sabit kesalahannya boleh dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan, atau hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit, atau kedua-dua hukuman, dan dalam sebarang perbicaraan sedemikian sesuatu surat akuan yang ditandatangani oleh seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura bahawa orang sedemikian telah tidak mematuhi saman itu adalah menjadi bukti keterangan yang mencukupi bahawa ia telah dengan sengaja tidak mematuhi saman itu melainkan sebaliknya dibuktikan, dan tiada sebarang surat perintah boleh dikeluarkan kepada Majistret tersebut di Malaysia atau Singapura atau mana-mana pegawai Mahkamah yang lain di Malaysia atau Singapura atau orang yang telah menyampaikan saman sedemikian supaya memberikan keterangan di perbicaraan sedemikian bagi pihak mana-mana pihak.

(2) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia atau Singapura yang bersamaan dengan ceraihan (1), sesuatu saman kepada seseorang yang dituduh melakukan sebarang kesalahan yang dikeluarkan oleh sesebuah Mahkamah atau seseorang Majistret di Brunei telah disahkan oleh seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura dan disampaikan kepada orang yang dituduh itu, maka saman sedemikian hendaklah bagi maksud-maksud Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) dianggap sebagai telah disampaikan dengan sahnya seolah-olah penyampaian sedemikian telah dilaksanakan di Brunei, dan jika orang sedemikian dengan sengaja tidak mematuhi saman itu ia boleh dibicarakan dan dikenakan hukuman di Brunei, dan di sebarang perbicaraan sedemikian suatu surat akuan yang ditandatangani oleh seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura bahawa saman sedemikian telah dengan sepenuhnya disampaikan kepada orang yang dituduh itu, dan suatu surat sumpah (affidavit) mengenai penyampaian sedemikian oleh orang yang menyampaikan saman itu boleh diberikan sebagai keterangan dan adalah menjadi bukti keterangan yang mencukupi bagi penyampaian saman itu melainkan sebaliknya dibuktikan, dan tiada sebarang surat perintah boleh dikeluarkan kepada Majistret tersebut di Malaysia atau Singapura atau sebarang pegawai Mahkamah yang lain di Malaysia atau Singapura atau orang yang telah menyampaikan saman tersebut supaya memberikan keterangan di perbicaraan sedemikian bagi pihak mana-mana pihak.

4. (1) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia atau Singapura sesebuah Mahkamah, seseorang Hakim, seseorang Majistret, atau sebarang pegawai Mahkamah yang lain, di Malaysia atau Singapura telah mengeluarkan

Penyampaian saman kepada seseorang saksi di antara Brunei, Malaysia dan Singapura.

sesuatu saman yang mengkehendaki seseorang itu supaya hadir di hadapan mana-mana Mahkamah di Malaysia atau Singapura sebagai seorang saksi untuk memberikan keterangan dalam sebarang perbicaraan jenayah, siasatan jenayah atau perbicaraan jenayah yang lain, dan orang sedemikian adalah, atau disyaki berada di Brunei atau dalam perjalanannya ke Brunei, maka seseorang Majistret di Brunei boleh, jika berpuashati bahawa saman itu telah dikeluarkan oleh sebuah Mahkamah, seorang Hakim, seorang Majistret, atau pegawai Mahkamah yang lain, di Malaysia atau Singapura, mengesahkan saman itu dengan nama dan gelaran jawatannya dan memeteraikannya dengan meterai Mahkamahnya, dan saman sedemikian boleh ketika itu disampaikan kepada orang tersebut seolah-olah ianya suatu saman yang telah dikeluarkan oleh sesebuah Mahkamah, seseorang Hakim, seseorang Majistret atau seseorang pegawai Mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkannya, di Brunei di bawah syarat-syarat Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code), dan saksi tersebut adalah, manakala disampaikan saman yang telah disahkan demikian, dan atas pembayaran atau pemberian sejumlah wang yang berpatutan kerana perbelanjaannya, terikat di sisi undang-undang untuk mematuhi saman itu, dan jika ia dengan sengaja tidak mematuhi saman tersebut maka ia adalah bersalah dan jika didapati sabit kesalahannya boleh dikenakan hukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan, atau hukum denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit, atau kedua-dua hukuman, dan dalam sebarang perbicaraan sedemikian suatu surat akuan yang ditan-datangani oleh seseorang pegawai Mahkamah di Malaysia atau Singapura bahawa orang tersebut telah gagal mematuhi saman itu adalah menjadi bukti keterangan yang mencukupi bahawa ia telah dengan sengaja tidak mematuhi saman itu melainkan sebaliknya dibuktikan, dan tiada sebarang surat perintah boleh dikeluarkan kepada pegawai atau Mahkamah tersebut di Malaysia atau Singapura supaya memberikan keterangan di perbicaraan sedemikian bagi pihak mana-mana pihak.

(2) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia atau Singapura yang bersamaan dengan ceraiian (1) sesuatu saman yang mengkehendaki seseorang supaya hadir di hadapan mana-mana Mahkamah di Brunei sebagai seorang saksi untuk memberi keterangan dalam sebarang perbicaraan jenayah, siasatan jenayah atau perbicaraan jenayah yang lain telah disahkan dengan sempurnanya di Malaysia atau Singapura dan disampaikan kepada saksi itu, maka saman sedemikian hendaklah bagi maksud-maksud Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) dianggap sebagai telah disampaikan dengan sah seolah-olah penyampaian sedemikian telah dilaksanakan di Brunei, dan jika orang tersebut dengan sengaja tidak mematuhi saman itu maka ia boleh dibicarakan dan dikenakan hukuman di Brunei, dan di sebarang perbicaraan sedemikian suatu surat akuan yang ditan-datangani oleh seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura bahawa saman sedemikian telah dengan sempurnanya disampaikan kepada saksi itu dan sejumlah wang yang berpatutan kerana

perbelanjaannya telah dibayar atau diberikan kepadanya dan suatu surat sumpah (affidavit) bagi penyampaian sedemikian dan pembayaran atau pemberian perbelanjaan sedemikian boleh diberikan sebagai keterangan dan adalah menjadi bukti keterangan yang mencukupi bagi penyampaian saman itu dan pembayaran atau pemberian perbelanjaan itu melainkan sebaliknya dibuktikan, dan tiada sebarang surat perintah boleh dikeluarkan kepada Majistret tersebut di Malaysia atau Singapura atau mana-mana pegawai Mahkamah yang lain di Malaysia atau Singapura atau orang yang telah menyampaikan saman itu dan dibayar atau diberikan perbelanjaan untuk memberi keterangan di perbicaraan sedemikian bagi pihak mana-mana pihak.

5. (1) Jika sesebuah Mahkamah di Malaysia atau Singapura telah mengeluarkan suatu waran sebagai ganti suatu saman atau tambahan kepada suatu saman bagi penangkapan seseorang di bawah syarat-syarat dari undang-undang Malaysia atau Singapura yang bersamaan dengan bab 52 dari Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) Brunei, dan orang sedemikian adalah atau disyaki berada di Brunei atau dalam perjalanannya ke Brunei, maka seseorang Majistret di Brunei boleh, jika berpuashati bahawa waran sedemikian telah dengan sepenuhnya dikeluarkan di Malaysia atau Singapura, mengesahkan waran itu dengan nama dan gelaran jawatannya dan memeteraikannya dengan meterai Mahkamahnya, dan waran sedemikian boleh ketika itu dikuatkuasakan ke atas orang sedemikian seolah-olah ianya suatu waran yang telah dikeluarkan di Brunei di bawah syarat-syarat dari Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code).

Penguatkuasaan sesuatu waran yang dikeluarkan sebagai ganti atau tambahan kepada saman.

(2) Jika di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia atau Singapura yang bersamaan dengan ceraihan (1) suatu waran yang telah dikeluarkan oleh sesebuah Mahkamah di Brunei telah dengan sepenuhnya disahkan di Malaysia atau Singapura dan dikuatkuasakan ke atas orang yang dinamakan di dalam waran itu, maka waran sedemikian hendaklah bagi maksud-maksud Undang-Undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) dianggap sebagai telah dikuatkuasakan dengan sahnya seolah-olah penguatkuasaan sedemikian telah dilaksanakan di Brunei.

(3) Jika sesuatu waran telah dikuatkuasakan di Brunei menurut ceraihan (1), maka orang yang ditangkap itu hendaklah dihadapkan seberapa segera yang boleh ke hadapan seseorang Majistret di Brunei, siapa hendaklah, jika berpuashati bahawa ia adalah orangnya yang dinyatakan dalam waran itu mengarahkan supaya orang yang telah ditangkap itu dipindahkan dengan serta-merta dalam jagaan kepada Mahkamah yang bersesuaian di Malaysia atau Singapura dan sebarang orang sedemikian hendaklah semasa dalam jagaan sedemikian, dianggap bagi segala maksud sebagai dalam jagaan yang sah :

Dengan syarat bahawa Majistret tersebut boleh, jika kerana sebab-sebab yang akan dicatatkan olehnya ia berpuashati bahawa adalah bagi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian, dengan

tidak menghiraukan bahawa waran penangkapan itu tidak mengandungi sebarang syarat bagi pemberian jaminan kepada orang yang telah ditangkap itu, melepaskan orang sedemikian atas jaminan bersyaratkan ianya hadir di hadapan Mahkamah yang bersesuaian di Malaysia atau Singapura pada sesuatu ketika yang akan ditetapkan dalam ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond); dan syarat dari Undang-Undang Peraturan Jenayah yang berhubung dengan jaminan dan ikatanjanji (bonds) adalah dikenakan kepada ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) sedemikian.

(4) Selain dari tanggungan terhadap perlucutan hak sesuatu ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) yang dikuatkuasakan di bawah pesyarat kepada ceraian (3) dan terhadap pembayaran dendanya, orang yang dilepaskan atas ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) sedemikian yang dengan sengaja tidak hadir di hadapan Mahkamah yang bersesuaian di Malaysia atau Singapura menurut syarat-syarat ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) tersebut adalah bersalah dan jika didapati sabit kesalahannya boleh dikenakan hukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan, atau hukum denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit, atau kedua-dua hukuman.

(5) Dalam perbicaraan bagi perlucutan hak terhadap sesuatu ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) yang dikuatkuasakan di bawah pesyarat kepada ceraian (3) dan bagi pembayaran dendanya, dan dalam perbicaraan bagi sesuatu kesalahan di bawah ceraian (4) sesuatu surat akuan yang ditandatangani oleh seseorang Majistret di Malaysia atau Singapura bahawa orang yang telah dilepaskan atas ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) sedemikian telah tidak hadir di hadapan Mahkamah yang bersesuaian di Malaysia atau Singapura menurut syarat-syarat ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) itu adalah menjadi bukti keterangan yang mencukupi bahawa orang itu telah dengan sengaja tidak hadir di hadapan Mahkamah yang bersesuaian di Malaysia atau Singapura menurut syarat-syarat ikatanjanji (bond) dan ikatanjanji jaminan (bail bond) itu melainkan sebaliknya dibuktikan, dan tiada sebarang surat perintah boleh dikeluarkan kepada Majistret tersebut di Malaysia atau Singapura atau mana-mana pegawai Mahkamah yang lain di Malaysia atau Singapura supaya memberikan keterangan di perbicaraan sedemikian bagi pihak mana-mana pihak.

Pembuktian dokumen-dokumen Malaysia atau Singapura.

6. Jika di dalam sesuatu perbicaraan di bawah Perintah ini sesuatu dokumen —

- (a) yang dikatakan sebagai suatu saman, waran atau surat akuan dan yang dikatakan telah ditandatangani atau dikeluarkan oleh seseorang Hakim, Majistret atau seseorang pegawai Mahkamah di Malaysia atau Singapura ; atau
- (b) yang dikatakan sebagai sesuatu surat sumpah (affidavit) seseorang di Malaysia atau Singapura dan yang dikatakan telah ditandatangani oleh orang yang membuatnya ;

adalah diberikan sebagai keterangan oleh pihak pendakwa, maka hendaklah dianggap sehingga sebaliknya dibuktikan bahawa dokumen sedemikian adalah saman, waran, surat akuan atau surat sumpah mengikut mana yang berkenaan, dan adalah ditandatangani atau dikeluarkan demikian, mengikut mana yang berkenaan.

7. (1) Menteri boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membuat aturan-aturan pada 'amnya bagi menguatkuasakan Perintah ini, dan, khususnya tetapi dengan tidak menyentuh keluasan makna yang sebelum ini, aturan-aturan sedemikian boleh membuat syarat bagi —

Aturan-Aturan.

- (a) memudahkan perhubungan di antara Mahkamah-Mahkamah di Brunei dengan Mahkamah-Mahkamah di-Malaysia atau Singapura ;
- (b) pemindahan orang-orang yang ditangkap di bawah syarat-syarat bab 5 dari Perintah ini serta kawalan dan penjagaan mereka sehingga sesuatu ketika manakala mereka diserahkan kepada orang-orang yang dinamakan di dalam waran-waran sebagai yang berhak menerima mereka itu ; dan
- (c) perampasan dan pengurusan sebarang harta benda yang menjadi perkara, atau dikehendaki bagi pembuktian, sebarang kesalahan yang dikatakan kepada mana Perintah ini adalah dikenakan.

8. Syarat-syarat dari Perintah ini hendaklah dikenakan kepada saman-saman dan waran-waran —

Kesan
kebelakangan
dalam perkara-
perkara
tertentu.

- (a) yang diterima di Brunei daripada Malaysia atau Singapura selepas mula berkuatkuasanya Perintah ini dengan tidak menghiraukan bahawa saman-saman dan waran-waran itu telah dikeluarkan sebelum mula berkuatkuasanya Perintah ini atau berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan sebelum mula berkuatkuasanya Perintah ini ;
- (b) yang telah diterima di Brunei daripada Malaysia atau Singapura sebelum mula berkuatkuasanya Perintah ini tetapi yang masih belum disampaikan atau dikuatkuasakan.

Diperbuat pada 18 April, 1984 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN.